DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Decrypt your visual creativity

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION

Decrypt your visual creativity

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani

Galeri seni merbok

Strategic Partners :

Lembaga Muzium Negeri Kedah

Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand

Far Eastern University Phillipines

Hanseo University Korea

كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION

Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
: Syahrini Shawalludin
: Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
Faryna Mohd Khalis

Editors : Ts. Normarziana Hassan
Juaini Jamalludin
Syahrini Shawalludin
Siti Fairuz ibrahim
Abdullah Kula Ismail

ISBN 978-967-2948-13-1

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjilid
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



SITI HUMAIRA RAMLI
Betta

2 kaki X 1½ kaki
Acrylic, Silicone Oil & Spray
humairaramli@gmail.com

Siti Humaira Ramli

Betta

Betta dihasilkan pada tahun 2021 yang merupakan catan abstrak dua dimensi bersaiz (2 kaki X 1½ kaki) dengan teknik Fluid Painting. Proses pembuatan catan ini menggunakan media dan bahan Acrylic Pouring Fluid, Silicone Oil dan Spray. Karya ini bertemakan ceritera alam dengan pemilihan Ikan Laga atau nama saintifiknya Betta splendens sebagai subjek teras utama. Ikan Laga ialah salah satu spesies ikan air tawar yang paling popular dalam kalangan masyarakat dan sering dijadikan sebagai ikan hiasan di rumah. Hal ini kerana, Ikan Laga boleh menjadi penyeri di ruang tamu atau sebagai hiasan dalaman yang menarik kerana sifatnya yang unik dan mempunyai nilai estetika yang tinggi.

Kecantikannya boleh dilihat daripada kombinasi warna yang pelbagai dan keunikan coraknya. Dengan menjadikan Ikan Laga sebagai hiasan di rumah, secara tidak langsung sebenarnya ikan ini memberi manfaat dalam bidang perubatan dan psikologi kepada pemiliknya. Dalam bidang perubatan, ikan ini mampu menjadi terapi atau dikenali sebagai 'Cromotheraphy' kerana warna pada ikan ini berperanan bagi meredakan atau menyembuhkan penyakit. Dari sudut psikologi pula, Ikan Laga mampu memberikan ketenangan melalui liuk lentok dan gerakan gemalai semasa berenang. Ikan Laga mempunyai sifat suka berlaga antara satu sama lain. Oleh sebab itu, ikan ini perlu diletakkan di dalam bekas yang berasingan supaya tidak bergaduh yang boleh membawa kepada kecederaan atau mungkin terbunuh. Maka, agak sukar meletakkan Ikan Laga jantan dengan ikan Laga jantan yang lain kerana Ikan Laga amat mengawal ruang wilayahnya dan sanggup berjuang ke akhir hayat demi wilayah tersebut. Dengan menginspirasikan sifat Ikan Laga dan bentuk ekornya, karya catan ini mengetengahkan pergerakan bukaan ekor ketika sedang berlaga. Pergerakan ekor ketika berlaga boleh dilihat dalam konsep estetik yang diutarakan oleh Zakaria Ali (1987), iaitu prinsip berlawan yang ada pertentangan terkawal antara dua bahagian di dalam karya. Di sini, estetika merupakan satu cabang falsafah keindahan dan dari sinilah kriteria motif Ikan Laga memberi pengertian estetik sebagai kecantikan yang dimiliki oleh fizikalnya. Menurut Ku Zam Zam (1984), dalam menghayati estetika atau keindahan, khalayak seni akan tertarik kepada sesuatu objek yang indah.

Keindahan objek itu boleh menyebabkan timbulnya rasa penyatuan yang sejati antara khalayak seni dengan objek itu sehingga melahirkan kebebasan dan kesempurnaan pada jiwa. Karya catan ini berlatarbelakangkan warna hitam. Simbolisme warna hitam pada latar belakang karya tidak semestinya bersifat negatif. Warna hitam ini melambangkan kepahlawan dan darjat kesatria yang ada pada sifat semula jadi Ikan Laga itu sendiri yang suka berlawan. Pemilihan motif warna karya pula adalah simbolik kepada warna ekor ikan laga yang bervariasi dan menepati warna utama di Alam Melayu, iaitu putih, hijau dan hitam.

Warna sekunder yang dipilih ialah warna biru dan warna yang terhasil daripada campuran warna-warna tersebut. Seterusnya, bukaan ekor pergerakan Ikan Laga telah menjadi asas kepada objek atau motif pergerakan dalam karya catan ini. Objek atau motif mengalami irama dan pergerakan dengan olahan beberapa unsur seni seperti garisan, rupa, warna, jalinan, bentuk dan ruang yang beralih arah atau berulang terbit secara spontan menerusi catan abstrak (fluid painting) yang menghasilkan rentak serta aliran dari satu ruang ke ruang yang lain. Sesungguhnya, Ikan Laga penuh dengan nilai estetika yang memberi inspirasi luar biasa.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION

Decrypt your visual creativity

ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

Galeri seni merbok